

**PERIBAHASA
BAHASA MELAYU TINGKATAN 5**

Nama :

Padankan peribahasa dengan maksudnya yang betul.

1. Di mana kemahuan di situ ada jalan.	Perkara yang sukar apabila kerap kali dilakukan, atau kerap kali berlatih akan terasa mudah dan menjadi mahir.
2. Indah khabar dari rupa.	Segala keperluan sudah ada, hanya menanti masa untuk melakukannya.
3. Alah biasa tegal biasa	Menurut sahaja kehendak orang lain.
4. Seperti lembu dicucuk hidung	Sekiranya kita bersungguh-sungguh dalam satu perkara atau dalam menyelesaikan masalah, kita pasti akan berjaya menyelesaikannya.
5. Perahu sudah di air, pendayung sudah di tangan	Orang yang bodoh kalau ada kesungguhan mempelajari sesuatu lama-lama akan pandai juga.
6. Di mana ada gula di situ ada semut.	Kata sepakat tercapai dengan rundingan/perbincangan/mesyuarat.
7. Tiada beban batu digalas.	Sedikit-demi sedikit lama-lama berhasil juga.
8. Belakang parang jika diasah nescaya menjadi tajam	Orang yang bertuah mendapat keuntungan atau rezeki dari mana-mana sahaja.
9. Sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain.	Sengaja mencari susah atau bahaya.
10. Bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat.	Perkhabaran yang terlalu dilebih-lebihkan daripada keadaan atau rupa yang sebenarnya.

By : Cikgu Notee Harun @ SMK Seri Selayang